

# LAMPIRAN

**Soalan-Soalan Temubual Berstruktur**

**Bahagian A**

**Latar belakang sekolah.**

Jenis sekolah.

Tempoh beroperasi.

Bahasa pengantar.

Asas kurikulum dipakai.

**Latar belakang murid.**

Bilangan murid - majoriti.

**Latar belakang guru.**

Tempoh berkhidmat sebagai guru tadika

Kursus yang dihadiri.

**Bahagian B**

1. Apakah Jenis-jenis aktiviti berkumpulan dan individu yang dijalankan?
2. Apakah bahan, peralatan atau permainan yang digunakan untuk aktiviti berkumpulan?
3. Bagaimana dengan kekerapan melakukan aktiviti berkumpulan?  
Skala Kekerapan
  - a. Kerap
  - b. Jarang-Jarang
  - c. Tiada
4. Apakah bahan-bahan, peralatan atau permainan yang digunakan untuk aktiviti individu?
5. Bagaimana dengan kekerapan melakukan aktiviti individu?  
Skala Kekerapan
  - a. Kerap
  - b. Jarang-Jarang
  - c. Tiada
6. Apakah aktiviti berkumpulan dan individu berkesan mengikut pandangan anda.  
Skala
  - a. Amat Berkesan
  - b. Berkesan
  - c. Tidak Berkesan
7. Apakah masalah yang dihadapi dalam melakukan aktiviti berkumpulan dan individu?

**Bahagian C**

**Soalan-soalan sampingan.**

- a. Apakah jenis-jenis permainan luar yang ada?
- b. Apakah aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan?
- c. Bagaimana perspektif masa depan tadika ini?

## Senarai Semak

### LAMPIRAN 2

Bil	Item	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	S11	S12
1	Aktiviti kumpulan												
2	Sudut bacaan												
3	Pondok												
4	Sudut lukisan												
5	Sudut sains												
6	Sudut binaan dan permainan												
7	Sudut Muzi												
8	Sudut matematik												
9	Tempat main pasir/air												
10	Aktiviti individu												
11	Bongkah												
12	Sudut kraf/tangan / manik												
13	Aktiviti pasang suai												
14	Menyusun bahan bersiri												
15	Membuat model												
16	Meniru corak												
17	Lain-lain aktiviti												
18	Berlakon												
19	Bercerita												
20	Lawatan												
21	Main puppet												
22	Kegiatan luar												
23	Masak-masak												
24	Konvokesyen												
25	Nyanyian												
26	Moral												
27	Agama												

S= Prasekolah

## LAMPIRAN 3

### Tarikh Jadual Lawatan Temubual

9- 14. November 1998

- Lawatan kajian rintis
- Jumpa pakar dan harmonikan soalan.

16 - 20. November 1998

➤ Lawatan temubual	Sekolah 1
	Sekolah 2
	Sekolah 3
	Sekolah 4
	Sekolah 5
	Sekolah 6

24 - 26. November 1998

➤ Lawatan temubual	Sekolah 7
	Sekolah 8
	Sekolah 9
	Sekolah 10

## LAMPIRAN 4

### Taklimat Penggunaan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah Mesyuarat Penyelarasan Tugas-Tugas KBSR / KBSM Dengan Ketua-Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik Bil 2/98. 5-6 Oktober 1998.

#### Konsep

Garis Panduan Kurikulum Prasekolah merupakan garis panduan yang wajib digunakan oleh semua pelaksana tadika di negara ini. Perkara ini telah termaktub dalam seksyen 22, Akta Pendidikan 1996 yang menyebut bahawa;

*"Semua program dan kegiatan tadika hendaklah mengikuti garis panduan yang diluluskan oleh Menteri"*

Garis panduan ini merupakan asas atau "*minimum requirement*" yang harus dipatuhi oleh semua pelaksana tadika. Program tambahan atau "*topping up*" hanya boleh dijalankan selepas keperluan ini dipenuhi. Sehubungan dengan ini, peraturan-peraturan pendidikan (Kurikulum Prasekolah) 1997 telah digubal dan diwartakan bagi menguatkuaskan penggunaan garis panduan ini mulai Januari 1999.

#### Latar Belakang

Akta Pendidikan 1996 telah memasukkan pendidikan prasekolah ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dengan itu semua tadika harus mengikuti satu kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Prasekolah. Memandangkan bahawa pendidikan prasekolah tidak di '*institutionaised*' seperti mana KBSR untuk sekolah rendah dan KBSM untuk sekolah menengah maka kurikulum prasekolah telah digubal dalam bentuk Garis Panduan yang wajib dipatuhi.

PPK telah menyediakan garis panduan kurikulum prasekolah semenjak tahun 1973. Garis panduan tersebut telah menjalani di beberapa proses penilaian semula dan kemaskini tahun 1993 dan telah diselaraskan dengan perkembangan semasa dan diterbitkan pada tahun 1998 bagi memenuhi keperluan Akta Pendidikan.

#### Penekanan Garis Pendidikan

Untuk mencapai matlamat satu tujuhala pendidikan prasekolah yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, garis panduan ini menekankan aspek-aspek berikut;

- Nilai agama dan moral yang tinggi
- Pembangunan minda
- Penyuburan fizikal
- Pengukuhan kesetabilan emosi
- Persediaan untuk hidup bermasyarakat
- Penggunaan pelbagai media bercetak dan media elektronik.

#### Kandungan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah

Garis panduan ini adalah untuk murid berumur 4 hingga 6 tahun. Garis panduan mengandungi 11 tajuk yang perlu bagi seseorang guru tadika menjalankan program

dan kegiatan di tadika mereka. Sembilan bidang pengalaman yang disediakan merupakan kandungan kepada kurikulum, mengandungi objektif yang harus dicapai oleh murid tadika secara bersepada. Garis panduan ini memberi kelonggaran kepada guru tadika menjalankan aktiviti bagi mencapai objektif yang telah disenaraikan mengikut tahap perkembangan murid-murid. Tajuk yang terdapat dalam garis panduan ini adalah seperti di bawah:

i. **Latar Belakang Kurikulum Prasekolah**

Kurikulum prasekolah berpayangkan kepada lima prinsip rukun negara di mana darinya digubal falsafah tersebut yang kemudian dihurai kepada Objektif Am Pendidikan Prasekolah. Objektif am pula dihalusi lagi kepada Objektif Khusus dalam bidang pengalaman.

ii. **Matlamat dan Objektif am Pendidikan Prasekolah**

Matlamat pendidikan prasekolah adalah untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan diri secara menyeluruh, seimbang dan bersepada. Perkembangan ini meliputi aspek rohani, emosi dan jasmani.

iii. **Objektif Am Pendidikan Prasekolah**

Objektif am pendidikan prasekolah terdiri daripada;

- Mempunyai semngat sayangkan negara.
- Mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian (khusus untuk murid beragama Islam).
- Menghormati dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik sebagai bahasa kebangsaan dan memperkembangkan kemahiran menggunakan bahasa untuk berkomunikasi.
- Menggunakan bahasa Inggeris dalam interaksi seharian selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua.
- Memperkembang keupayaan fizika secara mempraktikkan amalan sesihatan dan keselamatan yang betul.
- Memperkembang perasaan ingin tahu melalui pelbagai deria ke arah pembentukan kognitif, penaakulan dan penyelesaian masalah semasa meneroka ilmu pengetahuan.
- Memperkembang daya kreatif dan etetika.

iv. **Bidang Pengalaman**

Pendidikan prasekolah mempunyai sembilan objektif am yang telah disenaraikan. Untuk mencapai objektif tersebut, sembilan bidang pengalaman yang merupakan isi kendungan program prasekolah telah dikenal pasti iaitu;

v. **Pendidikan Ketatanegaraan**

Pendidikan ketatanegaraan memberi asas pembentukan peribadi dan perwatakan yang baik supaya murid menjadi warganegara yang berguan kepada bangsa dan negara.

vi. **Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam menekankan pembentukan insan yang berilmu, beriman, beranmal, berakhhlak mulia dan berketerampilan ke arah memakmurkan alam ciptaan Tuhan. Pendidikan Islam adalah khusus untuk murid yang berugama Islam sahaja.

**vii. Pendidikan Moral**

Pendidikan moral dan kerohanian menekankan aspek emosi dan kerohanian supaya murid dapat memupuk, menghayaati dan mengamalkan nilai-nilai murni.

**viii. Bahasa Melayu**

Bidang pengalaman bahasa Melayu menekankan kemahiran menggunakan bahasa untuk berkomunikasi bagi tadika yang bahasa pengantarnya bahasa Melayu. Bagi tadika yang bahasa pengantarnya bukan bahasa Melayu penekanan adalah penggunaan lisan dalam interaksi seharian.

**ix. English Language**

The focus of English Language is on usual oral skills in daily interactions.

**x. Perkembangan Fizikal**

Perkembang fizikal menekankan asas pertumbuhan dan pembesaran murid dalam keadaan sihat, selamat dan ceria.

**xi. Perkembangan Sosioemosi**

Perkembangan sosioemosi menekankan penyuburan emosi kendiri yang positif dan stabil ke arah pembentukan peribadi dan perwatakan yang baik bagi membolehkan murid menyesuaikan diri dalam kehidupan bermasyarakat.

**xii. Perkembangan Kognitif**

Perkembangn kognitif memberi penekanan tentang pembentukan konsep penaakulan dan penyelesaian masalah semasa meneroka ilmu pengetahuan dengan menggunakan pelbagai rancangan dan media.

**xiii. Perkembangan Daya kreatif dan Estetika**

Perkembanga daya kreatif dan estetika memberi pengalaman kepada murid menikmati dan menghargai keindahan alam, kesenian, dan menghargai warisan budaya bangsa.

**xiv. Pendekatan Serta Penglolaan Pengajaran Dan Pembelajaran**

Tiga pendekatan dicadangkan

- Bermain sambil belajar.
- Pendekatan bersepadu.
- Pendekatan bertema.

**xv. Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran.**

- Aktiviti individu.
- Aktiviti kumpulan.
- Aktiviti kelas

**xvi. Tempoh Pengajaran Dan Pembelajaran**

- Tempoh rasmi pengajaran dan pembelajaran prasekolah 3 hingga 3 1/2 jam sehari, lima hari seminggu.
- Bahasa Melayu untuk tadika bukan pengantar bahasa Melayu sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.

- English Language untuk tadika bukan pengantar bahasa Inggeris sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.
- Pendidikan Islam untuk murid beragama Islam sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.
- Pendiddikan moral dan kerohanian bagi murid beragama Islam sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.

#### xvii. Susunan Aktiviti Harian

Penyesuaian susunan aktiviti harian kelas hendaklah mengambil kira perkara berikut;

- Kesesuaian dengan keperluan dan perkembangan murid.
- Kesepaduan bidang pengalaman secara seimbang.
- Kesinambungan idea atau konsep diadakan sebaik mungkin walaupun aktiviti berbeza dari hari ke ahari.
- Kesinambungan aktiviti yang aktif dan aktiviti pasif.
- Kesinambungan aktiviti luar kelas dan dalam kelas.
- Kesinambungan aktiviti kelas, aktiviti kumpulan dan aktiviti individu.

#### xviii. Bahan Kurikulum

- Bahan guru.
- Garis panduan kurikulum prasekolah
- Bahan rujukan lain.

#### xix. Bahan Murid

- Pelbagai jenis bahan maujud, separa maujud dan abstrak.
- Pelbagai jenis bahan yang merangsang pemikiran murid.
- Pelbagai jenis alat permainan.
- Bahan daripada pelbagai media cetak dan elektronik.

#### xx. Ciri Bahan Yang Digunakan

- Mudah guna
- Interaktif
- Merangsang pemikiran, pembentukan sikap positif
- Kesesuaian dari segi saiz, warna dan tekstur.
- Mudah ubahsuai dan kitar semula.
- Terjamin dari segi kesihatan dan keselamatan.

#### Xxi. Penguruan Dan Raugan Pengajaran Dan Pembelajaran

Terdiri daripada;

- Ruang dalam kelas - sudut aktiviti.
- Ruang luar kelas.
- Ruang penyediaan makanan.

#### xxii. Rekod Perkembangan Murid

Penilaian adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian bertujuan untuk melihat perkembangan murid dalam domain;

- Kognitif
- Afektif
- Psikomotor

Segala maklumat direkodkan dalam

- Portfolio murid
- Rekod peribadi
- Rekod kemajuan murid.

**Pelaporan melibatkan**

- Interaksi waris dan guru tentang perkembangan murid di luar dan di dalam kelas.
- Murid dengan keperluan Khas
- Guru berkenaan perlu menjalankan ubahsuai berdasarkan keparluan, kemampuan dan minat murid khas ini.

**xxiii. Kesinambungan Pendidikan Prasekolah Dengan Sekolah Rendah**

Perlu diteruskan dan ditingkatkan pada tahap sekolah rendah bagi mengurangkan kejutan budaya;

- Pengalaman dan penerokaan ilmu pengetahuan.
- Penguasaan kemahiran.
- Pemupukan nilai murni.
- Penyerahan rekod perkembangan murid untuk dimanfaatkan oleh guru Tahun Satu.

**xxiv. Buku Penerangan Garis Panduan Kurukulum Prasekolah (Buku Aktiviti Kurikulum Prasekolah)**

PPK sekarang dalam usaha menghasilkan buku penerangan sebagai bahan sokongan kepada garis panduan kurikulum, prasekolah. Buku ini dijangka diterbitkan dan digunakan oleh semua pelaksana tadika pada 1 Januari 1999.

**xxv. Diantara Cadangan Tajuk Yang Akan Dimasukkan Ke Dalam Buku Penerangan**

- Latar belakang.
- Bidang pengalaman.
- Contoh aktiviti yang akan dijalankan secara bersepada.
- Contoh rekod penilaian murid.
- Kesinambungan pendidikan prasekolah dengan sekolah rendah.
- Senarai tahap perkembangan murid.
- Senarai rujukan
- Glosori.

**xxvi. Cadangan Tindak Susul Oleh Jabatan Pendidikan Negeri/ Ketua Sektor Akademik.**

- Memaklukan garis panduan kurukulum prasekolah ini kepada jawatankuasa kurikulum negeri dan jawawankuasa kurukulum daerah.
- Melantik seorang pegawai '*desk officer*' untuk kurikulum prasekolah.
- Menubuhkan satu unit prasekolah di peringkat negeri dan daerah yang dicadangkan diletakkan di bawah sektor pengurusan akademik.
- Merancang dan menjalankan aktiviti penerangan garis panduan kepada guru tadika Kementerian Pendidikan dan agensi lain yang menjalankan tadika seperti KEMAS, Perpaduan, Jabatan Agama Islam Negeri dan pengusaha tadika swasta.
- Merancang aktiviti lanjutan berkaitan dengan kurikulum prasekolah seperti;
  - Bengkel penyediaan aktiviti prasekolah.

- Bengkel penyediaan bahan prasekolah
  - Bengkel dan kursus kesinambungan prasekolah dan sekolah rendah.
  - Kursus atau aktiviti peningkatan profesionalisma guru prasekolah.
- Menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan kurikulum prasekolah yang terdiri daripada semua agensi prasekolah yang ada di peringkat negeri dan daerah.